

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 16 RABU 19HB. APRIL 1972. 1392 رابو 4 ربيع الاول PERCHUMA



SETIA Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pg. Haji Ismail telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada pasukan Karate Negeri Brunei sa-jurus sa-belum pasukan itu berlepas ka-Paris untuk mengambil bahagian dalam kejohanan Karate Sa-dunia kali yang kedua yang berlangsung sa-lama sa-minggu mulai

18hb. April.

Rombongan yang mengandungi sa-ramai 11 orang itu telah di-ketuai oleh Awang Haji Kassim Mudzaffar.

Gambar atas menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara kelihatan sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada Kali'gu Zainal Ladi, Ketua Pasukan.

10,000 akan sertai perarakan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 10,000 orang umat Islam dari 60 pasukan yang mewakili persatuan2 belia dan kebajikan, kampong2, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 dan sharikat2 perniagaan di-Daerah Brunei-Muara akan mengambil bahagian dalam perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bagi merayakan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada hari Rabu 26hb. April.

Pasukan2 yang mengambil bahagian pada mula-nya akan berkumpul di-padang besar Bandar Seri Begawan pada pukul 7.00 pagi sa-belum bergerak mengelilingi bandar.

Perarakan itu akan melalui Jalan Elizabeth II, Jalan Stoney, Jalan Sumbiling Lama, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Sungai Kianggeh, Jalan Sultan, Jalan McArthur dan Jalan Chevalier.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ada-lah yang paling

ramai peserta dengan 1,400 orang penuntut akan mengambil bahagian. Ini di-ikuti oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dengan 1,000 orang penuntut dan Sekolah Menengah Melayu SM-JA dengan 850 orang peserta.

D.Y.M.M. akan merasmikan Pejabat Ugama Tutong

PEKAN TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong pada 6hb. Mei hadapan.

Bangunan tersebut telah dibina dengan menelan belanja kira2 \$375,000.00. Ia-nya menggantikan Pejabat Hal Ehwal Ugama lama yang ditempatkan di-bangunan Pejabat2 Kerajaan Tutong.

Kerja2 pembinaan bangunan yang baru itu telah di-mulakan dalam tahun 1968.

Pg. Anak Salmah selamat melahirkan sa-orang Puteri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja telah di-kurniakan Tuhan sa-orang lagi chuchu perempuan.

Satu kenyataan yang di-ku-luarkan dari Istana pada pagi semalam berkata:

“Menjunjong Sabda Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Sultan, maka Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Brunei, dengan amat sukachita mengumumkan bahawa isteri kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah, ia-itu Yang Teramat Mulia Pengiran Bini Pengiran Anak Salmah, dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang Puteri pada pukul 5.30 pagi, Selasa 18hb. April, 1972.”

Ini ada-lah chuchunda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan D.Y.T.M. Seri Paduka Seri Suri Begawan Raja yang kedua lahir dalam bulan ini.

Pada 8hb. April yang lalu, Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Nor'ain, isteri kepada Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Mohd. Yusof telah selamat melahirkan sa-orang Putera.

12 ORANG DI-KURNIAKAN BINTANG2 KEBESARAN NEGERI BRUNEI

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Grosvenor House, London pada hari Isnin lepas.

Sinarai penerima2 dalam istiadat tersebut telah di-dahului oleh Yang Amat Berhormat Lord Colyington, Yang Amat Berhormat Lord Perth dan Brigadier S.P.M. Kent yang telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. telah di-kurniakan kepada Yang Amat Berhormat Lord Swansea dan Yang Berhormat Sir Charles Stewart Taylor.

Awang James Mitchell di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua — D.P.M.B.

Lima orang telah di-kurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J.

Mereka ia-lah Datin W.J. Peel, Datin E.E.F. Pretty, Datin D.H. Trumble, Datin J. Parks dan Datin J.J.H. Simpson.

Yang Mulia Awangku Idriss bin Al-Marhum Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Kahar telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B.

Kolera di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kuala Lumpur telah di-istiharkan sa-bagai kawasan wabak kolera.

Pegawai Kesihatan telah menasihatkan orang ramai supaya mengambil langkah kesihatan yang perlu untuk mengelakkan penyakit itu dari merebak ka-negeri ini.

Beliau berkata, orang ramai hendak-lah mendapatkan suntikan bagi mencegah penyakit itu.

SETIA Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada pasukan bola sepak Belia Brunei sa-jurus sa-belum pasukan itu berlepas ka-Bangkok pada hari Rabu lepas.

Rombongan yang mengandungi sa-ramai 18 orang pemain itu akan mengambil bahagian dalam perlawanan Bola Sepak Belia2 Asia kali ke-empat yang berlangsung di-stadium Negara Bangkok sa-lama dua minggu mulai 14hb. April lepas.

Rombongan Brunei itu di-ketuai oleh Pengiran Idris bin Duli Pengiran Temenggong Haji Mohammad.

Empat orang pegawai Persatuan Bola Sepak Amat Negeri Brunei juga menyertai rombongan itu. Mereka ia-lah Awang Karm bin Pukul, Awang Stephen Hendrik, Dr. Johar bin Haji Nordin dan Awang Ibrahim bin Yahya.

Gambar kiri menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara sedang menyampaikan bendera kepada ketua pasukan bola sepak belia sementara memerhati di-belakang ia-lah Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Amat Negeri Brunei, Awang Husain bin P.O.K. Di-Gadong dan gambar bawah: Yang Amat Mulia bergambar ramai bersama2 dengan rombongan Brunei itu sa-jurus sa-belum mereka berlepas ka-Bangkok.



Belia mempunyai tanggung jawab yang besar terhadap negara

LAMBAK. — Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Salleh bin Haji Masri mensifatkan belia2 di-Brunei hari ini mempunyai tugas dan tanggung-jawab yang besar terhadap perkembangan negara.

Beliau telah berucap demikian sa-belum merasmikan Mesuarat Agong kali yang ketiga Persatuan Kebajikan Kampong Lambak, KEKAL di-dewan Sekolah Melayu Datu Mahawangsa Lambak pada minggu lalu.

Yang Berhormat itu berkata, chontoh2 yang baik dan peribadi yang tinggi telah di-tunjukkan oleh belia2 di-Brunei terhadap belia2 luar negeri yang datang melawat ka-negeri ini yang melambangkan belia2 di-Brunei mempunyai sopan santun, hormat menghormati dan memelihara adat resam negara mereka sendiri.

Terdahulu dari itu Yang Dipertua KEKAL, Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman telah menegaskan bahawa Persatuan KEKAL akan meneruskan kegiatan2nya di-bidang sosial, ekonomi, sokan dan kebajikan.

Turut hadzir di-mesuarat itu ia-lah Penasehat Persatuan KEKAL, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Mesuarat itu telah juga juga memilih anggota2 jawatankuasa baru bagi tahun 1972/1973.

KEJAYAAN M.M.D.B. DALAM KERJA2 KEBAJIKAN

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah membuat lagi kejayaan2 dalam kerja2 kebajikan di-daerah tersebut.

Laporan tahunan majlis tersebut bagi 1971/1972 menyatakan, kejayaan2 itu termasuk kerja menguruskan Rumah Orang2 Tua di-Seria yang sabahagian besar daripadanya atas kerjasama dan bantuan

pehak Kerajaan dan pertubuhan2 serta orang ramai.

Dalam tahun itu, jawatankuasa tertinggi majlis tersebut telah menguruskan 58 masa'alah yang berlainan kerana bantuan2 awam dan wang sa-jumlah \$16,716.00 telah dibahagikan kepada mereka sabagai bantuan. Mereka yang menerima-nya terdiri dari anak2 yatim, janda, orang2

chachat dan orang2 buta serta orang2 tua.

Sekarang ini sa-ramai 54 orang2 tua menumpang di-rumah itu.

Jumlah pendapatan yang diterima oleh Rumah Orang2 Tua ia-lah \$38,470.71, \$10,000.00 daripada-nya bantuan kerajaan. Wang sa-jumlah \$30,670.97 telah di-belanjakan dan kelebihan pendapatan dari perbelanjaan berjumlah hampir2 lapan ribu ringgit yang dimasukkan ka-peruntukkan tahun ini.

Pengerusi jawatankuasa tertinggi majlis itu, Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia Dato Setia Awang P.A. Coates telah memberikan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan pertolongan pada tahun itu untuk mencapai tujuan2-nya.

Kata-nya, Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait tidak akan bergerak tanpa bantuan yang di-terimanya pada tiap2 tahun dari Kerajaan Brunei dan orang ramai.

Lawatan penuntut2 A.A.C.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-kumpulan penuntut2 dari Maktab Anthony Abell, Seria telah melawat ka-Bandar Seri Begawan pada minggu lepas.

Antara tempat2 yang mereka lawati ia-lah Maktab Perguruan

Sultan Hassanah Bolkiah, Muzium dan Makam Sultan Bolkiah di-Kota Batu.

Mereka telah juga melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Bangunan Peringatan Churchill.



PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei telah menjadi johan dalam perlawanan bola sepak, sa-telah ia-nya mengalahkan pasukan Polis Diraja Brunei dengan 6 gol berbalas 2.

Perlawanan itu telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada minggu lepas.

Perlawanan yang di-anjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Amat

Negeri Brunei itu ada-lah bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Sharikat Glamour.

Sa-banyak 24 pasukan terdiri dari Pejabat2, Pertubuhan2 dan Kelab2 telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu sejak ia-nya di-mulakan bulan Mach lalu.

Gambar atas menunjukkan pasukan AMDB bergambar dengan piala kemenangan mereka.

Sambutan Maulud di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pega-wai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah di-pilih menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sambutan perayaan Maulud Nabi bagi daerah itu.

Pemilihan itu telah di-adakan dalam satu mesuarat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait baru2 ini.

Lain2 anggota jawatankuasa yang di-pilih ia-lah:

Timbalan Pengerusi — Kadzi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Haji Zainuddin; **Setiausaha** — Awang Yahya bin Haji Harris, **Penolong Setiausaha Satu** — Awg-Puasa bin Tudin; **Penolong Setiausaha Dua** — Che'gu Zakarshi bin Haji Mohamed Yusof; **Bendahari** — Awang Mohamed Ali bin Daud dan **Timbalan Bendahari** — Awg. Hassan bin Louis.

Perayaan sambutan Maulud Nabi bagi Daerah Belait akan di-adakan dengan perarakan mengelilingi Pekan Seria pada hari Ahad, 7hb. Mei.

Perarakan itu terbuka kepada Persatuan2 Belia, Sekolah2, Jabatan2 Kerajaan, Sharikat2 perniagaan, kampung2 dan kelas Dewasa.

Borang2 untuk menyertai perarakan itu sekarang boleh di-dapati dari Setia Usaha jawatankuasa sambutan perayaan itu.

KESEMPURNAAN hidup manusia di-dunia ini mesti-lah di-chapai dengan pergaulan kerana tiap2 diri tidak akan melengkapkan keperluan hidup-nya sendiri2 sahaja. Tetapi mesti-lah bantu membantu dan bekerjasama yang mana semua-nya itu akan di-chapai dengan ada-nya pergaulan yang baik lagi di-redhai Tuhan. Firman Allah Subhanahu-Wataala di-dalam ayat 112 Al-Emran yang bermaksud:

"Akan di-timpakan kepada manusia ini kehinaan di-mana sahaja mereka berada kechuali dengan memegang tegoh tali perhubungan dengan Allah dan tali perhubungan dengan manusia. Memegang tali perhubungan dengan Allah ia-lah dengan mengamalkan suruhan2-nya dan menjauhkan diri dari larangan-nya. Dan tali perhubungan dengan manusia ia-lah dengan mengadakan hubungan masyarakat yang baik dan pergaulan yang di-redhai Allah".

Untuk melaksanakan pergaulan dan perhubungan yang baik itu Allah Subhanahu-Wataala telah menunjukan jalan kepada kita menerusi firman-nya dalam Suratul-Furqan ayat 64 hingga 74 yang bermaksud:

"Hamba Allah yang salih ia-lah orang2 yang berjalan di-muka bumi ini dalam keadaan sopan santun. Manakala di-chela oleh orang2 yang jahat, mereka menjawab dengan tutur kata yang membawa keselamatan. Dan di-waktu malam hari mereka melakukan sembahyang dan ibadat kepada Allah. Dan orang2 yang sentiasa memohon do'a dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! hindarkan-lah seksa neraka jahanam daripada kami, kerana azab-nya ada-lah amat dahsat, sungguh neraka jahanam itu ada-lah tempat tinggal yang paling burok. Dan orang2 yang membelanjakan wang-nya atau hartanya dengan tiada boros dan tidak pula bakhil melainkan pertengahan antara kedua-nya. Dan orang2 yang tidak menyombah Tuhan lain selain daripada Allah, dan tidak pula membunuh manusia yang di-haramkan Allah, kechuali dengan jalan yang hak, dan mereka itu tidak melakukan perbuatan zina kerana barang siapa yang berbuat demikian dia akan mendapat dosa dan azab-nya akan di-pergandakan Tuhan pada hari kiamat dan

JALAN UNTOK MELAKSANAKAN PERGAULAN YANG BAIK



KHUTBAH JUMA'AT

"Ketinggian budi-pekerti itu ada-lah penting untuk menchari pergaulan yang baik"

dia pun akan kekal di-dalam azab itu dalam keadaan terhina, kechuali barang siapa yang taubat serta beriman dan kemudian beramal salih dan untuk mereka kelak Tuhan akan mengganti kejahatan mereka menjadi kebaikan dan Allah itu maha memberi ampun lagi penyayang. Dan barang siapa yang taubat dan kemudian beramal salih, maka Tuhan akan menerima taubat-nya. Orang2 yang salih juga ia-lah orang2 yang tidak mau menjadi saksi palsu, jika mereka bertemu dengan orang ramai yang berbual kosong, mereka tiada mau mencham-pori-nya malah mereka lalu sambil meninggalkan-nya. Dan orang2 yang jika mereka di-beri peringatan dengan ayat2 Allah tiada-lah mereka bersifat membusu lagi mem-buta malah di-turuti-nya, me-

reka berkata wahai Tuhan kami kurniakan-lah kepada kami isteri dan anak2 yang mengembirakan hati kami, serta jadikan-lah kami menjadi ikutan bagi orang2 yang takwa".

Ini-lah pimpinan Allah yang berupa paduman lengkap yang mesti di-pakai oleh orang2 Islam dalam menchari pergaulan hidup yang baik.

Lebeh jauh Rasulullah s.a.w. telah memberikan bimbingan kepada umat-nya sebagaimana sa-buah hadith baginda yang di-riwayatkan oleh At-Tarmizi yang bermaksud:

"Daripada Abu Zar telah berkata ia: telah bersabda kepada ku Rasulullah s.a.w.: bertakwa-lah engkau di-mana sahaja engkau berada dan iringi-lah tiap2 kesalahan dengan kebaikan, mudah2an dapat di-hapus-nya dan pergauli-lah manusia itu dengan akhlak yang baik".

Daripada keterangan2 ayat2 Quran dan hadith Nabi di atas tadi, jelas-lah kepada kita bahawa ketinggian budi pekerti itu ada-lah penting untuk menchari pergaulan yang baik dengan sa-sama manusia. Oleh yang demikian adal ah di-serukan supaya tuan2 mengambil ingatan tentang ajaran2 yang di-sebutkan itu tadi.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19hb. April, 1972 hingga ka-hari Selasa 25hb. April, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
19hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
20hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
21hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
22hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
23hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
24hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
25hb. April	12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



Gambar atas: Dg. Khairul — 'aini binte Haji Abd. Wahab, johan sharahan bahagian perempuan, sementara gambar bawah, Awang Jumat bin Jeluddin, johan membacha Quran bahagian lelaki sedang menerima piala kemenangan dari Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman.

Kedua2 penuntut itu akan mewakili Daerah Tutong ka-per-aduan membacha Quran dan sharahan perengkat negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Julai hadapan. — Gambar JHEU/BP.



19hb. April, 1972.

KELAS URUSAN RUMAH TANGGA

NAZIR Pelajaran Dewasa, Awang Abdul Hamid bin Othman dalam keterangan-nya baru2 ini mengenai Kelas Dewasa Urusan Rumah Tangga telah membentangkan lima tujuan besar peri di-adakan kelas itu yang telah di-tubuhkan sejak tahun 1965.

Tujuan2 itu ia-lah untuk menggalakkan kaum wanita negeri ini supaya mempelajari ilmu pengetahuan dalam bidang itu yang di-anggap perlu di-ketahui bagi tiap2 wanita.

Memberi peluang kepada kaum wanita supaya memenohkan masa lapang mereka untuk menambahkan ilmu pengetahuan sa-lain daripada pelajaran membaca dan menulis.

Menggalakkan kaum wanita supaya berusaha sendiri bagi membuat dan meluaskan pelajaran urusan rumah tangga dengan sa-chara yang praktikal.

Dengan mempelajari ilmu pengetahuan dari-kelas2 itu, sedikit sa-banyak-nya dapat-lah wanita2 itu menyesuaikan tanggong-jawab mereka sa-bagai suri rumah tangga bagi memelihara keharmonian kehidupan rumah tangga mereka.

Ilmu pengetahuan sa-chara praktikal yang di-perolehi dari kelas itu akan dapat juga menambahkan mata pencharian atau meninggikan darjah kehidupan wanita itu sendiri jika benar2 di-gunakan dan di-usahkan.

Dari kelima2 tujuan penting itu, ternyata Kerajaan telah membuat satu langkah yang pada mula-nya tidak terfikir oleh kebanyakan orang. Melalui Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa ini suatu sumbangan yang besar kerana kepentingan kaum wanita telah di-laksanakan yang tidak hanya semata2 untuk membekalkan ilmu pengetahuan dalam dunia kewanitaannya mereka, tetapi juga untuk membantu mengujudkan keharmonian dalam rumah tangga mereka.

Kebijaksanaan mengurus rumah tangga dalam zaman sekarang ini ada-lah jelas, bukanlah merupakan kebijaksanaan wanita yang sa-mula jadi. Memang wanita itu mempunyai dunia yang tersendiri dalam mengurus rumah tangga. Tetapi kelebihan-nya perlu di-chari, apa lagi tidak semua wanita bijak mengurus rumah tangga, walau pun ia-nya tinggi dalam ilmu pengetahuan yang lain.

Kalau kaum wanita benar2 menghargakan dan tekun mengikuti pelajaran2 yang di-ajarkan dalam kelas urusan rumah tangga itu, maka tidak shak lagi ia-nya memberikan faedah yang besar. Keharmonian rumah tangga yang kebanyakan-nya dapat di-chipta melalui kebijaksanaan mengurus rumah tangga itu ada-lah satu perkara.

Dan, satu perkara lagi ia-lah suri2 rumah tangga itu dapat membantu pendapatan suami masing2 serta masa kosong yang di-isikan dengan perkara2 yang tidak berfaedah itu dapat di-selamatkan dengan kerja yang berfaedah dan keadaan rumah tangga akan lebih selamat.



Di-Kampung Pandai Besi, yang letak-nya di-Kampung Ayer, kaum wanita-nya tidak mahu ketinggalan dalam mengejar kemajuan dalam dunia mereka. Gambar atas memperlihatkan kaum wanita itu tekun mengikuti pelajaran masak2an yang di-ajarkan oleh Dayang Norsiah bte. Haji Abdul Rahim. Gambar bawah pula, sa-bahagian dari kaum wanita di-kampung itu chenderong dalam bahagian sungkit-menungkit, sulam mengulam dan lain2 kerja tangan wanita. Kelihatan Dayang Fong Ooi Chee sedang menunjukkan chara2 menyungkit menurut sistem yang betul dan kemas.



KINI HAMPIR 2,000 WANITA HADHIRI KELAS2 DEWASA URUSAN RUMAH TANGGA

KELAS Dewasa Urusan Rumah Tangga yang mula2 di-tubuhkan dalam tahun 1965 telah mengahapi perkembangan-nya yang mengagumkan.

Kelas Urusan Rumah Tangga tersebut tidak hanya menjadi tumpuan suri2 rumah tangga yang mementingkan pengetahuan untuk memperlengkapkan diri mereka, tetapi juga penghasilan yang di-perolehi mereka dari kelas itu telah membawa faedah yang di-luar dari dugaan mereka.

Sa-jauh ini, beberapa orang dari pelajar2 kelas tersebut telah di-hantar keluar negeri untuk melanjutkan pengetahuan mereka dan apabila mereka pulang ka-tanya ayer, mereka di-pikulkan tanggong-jawab untuk menyebarkan pengetahuan itu kepada rakan2 mereka yang memerlukan-nya.

Tanggong-jawab ini tidak hanya dapat mempraktikkan kepandaian yang di-perolehi mereka dari luar negeri itu, bahkan mereka dengan sendiri-nya tergolong di antara orang2 yang dapat meninggikan taraf hidup bangsa-nya di-samping menerima chagaran2 yang sa-mesti-nya.

Sa-jauh ini perkembangan kelas2 dewasa urusan rumah tangga ini ada-lah amat menggalakkan dan sambutan-nya dapat di-katakan amat luar biasa.

Di-seluruh negeri, pada masa ini telah berjumlah kira2 90 buah kelas yang menyusur dari Daerah Belait hingga ka-dalam Daerah Temburong sejak permulaan penubuhan-nya kira2 7 tahun yang lalu. Penuntut-nya sekarang berjumlah kira2 sa-ramai 2,000 orang.

Bilangan ini akan bertambah lebih besar lagi memandang kapada menchurah2-nya permohonan dari penduduk2 daerah daerah dan kampung2 supaya di-adakan kelas2 tersebut untuk mereka.

Ini ada-lah jelas, betapa kelas urusan rumah tangga ini telah menarek minat suri2 dan bakal suri2 rumah tangga. Mereka telah melihat akan faedah2-nya dan galakan2 yang telah nampak seperti menghantar hasil kerja mereka dalam pameran2 khas dan juga sa-bagai kerja sambilan untuk memberikan pertolongan kepada orang2 yang mengkehendaki-nya yang kadang2 menerima faedah pula.

Kerja2 tangan mereka yang selalu di-pinta, khas-nya da-dalam musim bulan2 perkahwinan ini ia-lah hias-menghias, bersolek dan berdandan, lipatan2 kain dan sulam-menyalam serta sungkit menyungkit.

Faedah itu tidak hanya sa-takat itu sahaja, tetapi kemungkinan lebih besar yang hasil kerja mereka itu akan merupakan satu sumber untuk di-jadikan mata pencharian di-masa yang akan datang.

Jika chita2 ka-arrah ini dapat di-perteguhkan dan telah ujud tempat pemasaran-nya, maka untuk menjadikan pengetahuan dari kelas itu sa-bagai satu sumber mata pencharian akan dapat di-perolehi. Usaha ini dapat juga menimbulkan kesanggupan kaum wanita kita dalam bidang kerja yang berfaedah di-samping dapat memberikan gambaran yang baik terhadap negara dan bangsa kita di-mata orang2 luar.



Di-Tutong, yang bersempitan di-Sekolah Melayu Hashim telah di-adakan bagi2 pelajaran dalam urusan rumah tangga. Wanita-wanita di-situ ia-lah yang di-minati oleh suri2 rumah tangga man dan sungkitan menchipta berbagai2 ajinan tangan sape tangan, bakul, baju meja dan lain2 lagi. juga seni lipatan, gambar atas dan kapa tekun-nya pelajaran Tutong itu. Tapi belajar sambil bekerja penat pun tidak terasa.



Kaum Wanita di-Kampung Gadong juga telah semakin meningkat maju. Mereka turut berlumba2 mengejar kemajuan dalam kehidupan sa-hari2. Kebanyakan wanita pandai menjahit, tetapi ramai yang tidak tahu menyulam dan menyungkit ia-itu suatu kerja yang halus dan memerlukan penumpuan perhatian yang tekun. Gambar atas mereka sedang menchuba kebolehan masing2 menurut yang di-ajarkan. Memasak juga memang banyak wanita yang pandai. Tetapi masak2an mempunyai berbagai2 ragam dan kerana itu ia-nya perlu di-pelajar. Kaum Wanita di-Gadong (gambar bawah) ketika mengikuti pelajaran membuat kueh-mueh. Memang kena-lah bersedia2 dari sekarang, kerana Hari Raya tidak lama lagi akan menjelang.



Bagaimana di-Seria dalam Daerah Belait? Saksikan saja gambar atas. Bukan saja kaum wanita Melayu, tetapi rakan mereka dari Bangsa India juga berminat dalam pelajaran kerajinan tangan yang di-ajarkan di-kelas urusan rumah tangga di-sana. Dalam pelajaran menyungkit, mereka kelihatan begitu hati2. Mungkin takut kalau2 tangan terchuchok — maahum saja baru belajar.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pegawai

Gerakan Pejabat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pegawai Gerakan Pejabat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu dan Darjah III Ugama. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Pejabat Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 1 — \$190x5-230x10-270.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa dikehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 26hb. April, 1972.

Juruteknik Makmal Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalon2 untuk di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.
- Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan — \$230x10-280/EB/290x15-380.

Juruteknik Makmal Terlateh — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Juruteknik Makmal Kanan — \$710x30-950.

Ketua Juruteknik Makmal — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan, dan akan di-hantar ka-sebarang laut bagi menjalani lataan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus semua peperiksaan sa-masa mereka menjalani lataan dalam tempoh perchubaaan mereka.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan yang:

- telah lulus peperiksaan akhir, dan
- di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

DI-JABATAN MUZIUM

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. ATENDAN PERPUSTAKA-AN

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja dalam sa-sabua perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji FI-2-3-4 EB 5 — \$180x5-260/EB/270x10-290.

2. PEMUNGUT

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya dan boleh bertutor dalam atau lebih daripada bahasa2 daerah yang berikut seperti Tutong, Dusun, Murut, Iban dll. Keutamaan akan di-berikannya kepada pemohon2 yang mempun-

yai pengalaman bekerja dengan Muzium Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 2 EB 3 — \$260x10-290/EB/300x10-350.

3. PENCHUCHI

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 35 tahun dan mesti-lah tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji FI EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 6hb. Mei, 1972.

Sa-bagai Peon

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 \$180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 4hb. Mei, 1972.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. JURUTAYANG (1 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Ugama dan Form II atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam chara2 menggunakan projector wayang gambar, alat2 pembesar suara dan generator. (Satu ujian akan di-jalankan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

2. OPERATOR TALIPON (1 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 perempuan berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah V Ugama dan Form II atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 2 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

3. TUKANG KEBUN (3 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 40 tahun dan mesti-lah tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Di-Jabatan Dewan

Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PEGAWAI

PERPUSTAKAAN (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU

PERPUSTAKAAN (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

3. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. April, 1972.

Sa-bagai Posmen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Posmen di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 2-3-4 EB 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. April, 1972.

Penyelia Bilek

Simpanan Linen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelia Bilek Simpanan Linen di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur lebih dari 30 tahun dan lulus sekurang2-nya Form III Inggeris. Pemohon2 yang terdiri daripada orang2 bukan Melayu mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam menjaga bilek jahitan dan mengawas kakitangan2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3-4 EB 5 — \$410 x 20-510-540 x 20-660/EB/690 x 20-750.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 25hb. April, 1972.

Latehan Perguruan Agama Kursus 'A' 1972-1974

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk mengikuti Kursus 'A' di-Maktab Perguruan Agama Seri Begawan dan hanya orang2 yang mempunyai sharat2 kelayakan di-bawah ini akan di-pertimbangan:-

1. Kelayakan:

- Hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang Beragama Islam, manakala yang bukan warga negara Brunei boleh juga memohon tert'alog kepada pertimbangan2 khas.
- Hendak-lah belum berkahwin dan berumur di-antara 16 hingga 23 tahun.
- Sekurang-nya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sa-banding dengan-nya dengan sharat lulus dalam Pengetahuan Agama Islam, atau mempunyai Sijil 'Am Pelajaran dengan sharat mendapat kelulusan dalam 4 mata pelajaran pada peringkat 'O' dan salah satu daripada-nya Pengetahuan Agama Islam.
- Hendak-lah pandai membacha Al-Quran.

2. Sharat2:

- Pemohon2 yang di-pertimbangan akan di-pilih menerusi satu temu duga.
- Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebih dahulu lulus dalam pemeriksaan doktor.
- Pemohon2 yang berjaya akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasuk makan minum dalam penggal2 persekolahan.
- Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:
 - Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.
 - Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar balek dengan sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan.
 - Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei sa-lama sekurang-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.
- Pemohon2 yang berjaya akan

mengikuti kursus sa-lama 3 tahun.

3. Alau dan Gaji:

- Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masuk akan menerima alau sa-perti di-bawah:-
Bagi Tahun Pertama dan Kedua — \$210.00 sa-bulan.
Bagi Tahun Ketiga — \$225.00 sa-bulan.
- Semua penuntut2 yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 yang lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Boorang Permohonan:

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam boorang2 yang sah yang boleh di-dapati dari Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong, pada bila2 masa pejabat di-buka dan di-kembalikan kepada Pengetua Maktab Perguruan Agama Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 26hb. April, 1972.

Lesen anjing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran di-Bandar Seri Begawan akan memusnahkan anjing2 di-kawasan Bandar Seri Begawan yang tidak mempunyai lesen mulai hari Isnin 17hb. April hingga 26hb. April, 1972.

Satu pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga itu berkata tuan2 punya anjing yang maseh belum berlesen ada-lah di-nasehatkan supaya membeli lesen2 anjing mereka dengan seberapa segera.

Lesen2 itu akan di-keluarkan di-Pejabat Bandaran, Bandaran, Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari waktu bekerja.

Lesen2 tersebut hendak-lah di-gantungkan di-leher2 anjing itu.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 34/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nayan bin Momin, d/a Kampong Lumapas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Tempurong bte. Momin-Tumin @ Mumin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 35/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jumat bin Gandor, d/a Kampong Kasat, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Gandor bin Timbang yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 36/1972.

Bahawa permohonan kepada

Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Duraman @ Haji Abdul-Rahman bin Haji Jumat, d/a Kg. Silayan Sengkurong, Batu 10, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lamudin bin Haji Jumat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 37/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Tasan bin Ali @ Ali, d/a Awang Ibrahim bin Hj. Mohd. Salleh, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ali @ Ali bin Dollah @ Dullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 38/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat

oleh Haji Omar bin Hj. Sapor, d/a Awg. Metusin @ Metali bin Hj. Sapor, Balai Pulis Diraja, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Sapor bin Nudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 39/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Yusof bin Ajak, d/a Awang Yusof bin Imam Hj. Mokti, No. 32, Kampong Burong Pingai, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dy. Saliah bte. Ag. Yusof yang telah meninggal dunia di-dalam Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 40/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat

oleh Ak. Ahmad bin Pengiran Kerma Indera Pg. Anak Tajuddin, d/a No. 78, Kg. Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Kerma Indera Pg. Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Abd. Momin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

SURAT KUASA PESAKA No. 41/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Abdullah bin Hj. Bakar, d/a Awg. Ibrahim bin Hj. Mohd. Salleh, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Bakar bin Rabaha yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 haribulan April, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan April, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

BRUNEI AKAN MENYERTAI PERLAWANAN TENNIS TIGA WILAYAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang pemain telah dipilih untuk mewakili negeri ini dalam perlawanan tennis antara tiga wilayah — Sarawak, Sabah dan Brunei yang akan berlangsung di Kota Kinabalu pada 12hb. hingga 15hb. Mei hadapan.

Mereka ialah Jimmy Lynn, Thomas Chia, Pengiran Hidup, Frankie Ho dan Abu Bakar.

Mereka itu akan disertai oleh Awang Hamid Jaafar, Naib-Presiden Persatuan Tennis Negeri Brunei.

Jimmy Lynn telah menjadi johan perseorangan tennis sa-negeri sa-telah ia-nya mengalahkan Pengiran Hidup dalam perlawanan akhir yang telah berlangsung di-gelanggang tennis Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Sementara pasangan Frankie Ho dan Thomas Chia telah memper-tahankan kejohanan mereka bagi kali yang kedua sa-telah mereka mengalahkan pasangan Jimmy Lynn dan Abu Bakar.



Gambar atas menunjukkan isteri Pegawai Daerah Belait sedang menyampaikan hadiah kepada johan membaca Quran, Awang Hj. Omar bin Haji Fauzan sementara gambar kiri: Johan2 sharahan, Awang Basri bin Mahmud dan Dayang Asmah binte Morni yang akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan sharahan perengkat negeri di-Bandar Seri Begawan. — Gambar JHEU/BP.

M.M.P.S.B. Sultan jadi johan sepak takraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah berjaya menjadi Johan dalam perlawanan sepak takraw, antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluruh negeri, sa-telah pasukan itu mengalahkan pasukan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dengan kiraan mata 15-9 dan 15-10.

Perlawanan itu telah diadakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan yang juga telah menjadi Johan tahun lalu telah memenangi Perisai Awang Suni bin Haji Idris.

Keputusan perlawanan itu, ada-lah seperti berikut:

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah mengalahkan Sekolah Pertukangan Kuala Belait 15-7 dan 18-14. Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait mengalahkan Sekolah Pertukangan Bangunan 15-12 dan 15-5.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penyusun Latehan Jasmani, Awang Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Perkhemahan

Pandu Puteri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pandu Puteri Daerah Brunei dan Tutong akan mengadakan perkhemahan tahunan di-kawasan perkhemahan pengakap di-Jalan Gadong selama tiga hari mulai hari ini.

Berbagai2 aktiviti akan diadakan sa-masa perkhemahan tersebut.

Temasha unggun api akan diadakan pada hari Jumaat 21hb. April.



Pegawai AMDB berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Leftenan Pengiran Jaludin bin Pengiran Mustapa dari Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk mengikuti dua kursus.

Kursus2 itu, yang kedua2-nya di-kelolakan oleh Sekolah Pengangkutan Tentera di-Hamshire, England ia-lah Kursus Unit Pegawai2 Pengangkutan Mekanikal dan kursus Pega-

wai2 Penguji yang berkelayakan.

Sa-telah kepulangan - nya dari England dalam bulan Jun nanti, Leftenan Pengiran Jaludin akan menjadi Pegawai Pengangkutan Tentera. Lt. Pengiran Jaludin telah di-tauliahkan dalam bulan Januari yang lalu dari pangkat Pegawai Warant.

Pegawai Warant Mohamed Shah bin Mohamed Noor dan Abdul Ghani bin Ismail kedua2-nya dari Askar Melayu Diraja Brunei juga telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk mengikuti Kursus Latehan Senjata di-Guards Depot.

Mereka akan pulang ka-Brunei pada penghujung bulan Mei.

Kempen cheghah kolera di-Daerah Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan sedang melancarkan kempen menyuntik bagi menchechah penyakit kolera di-Daerah Temburong.

Pada 20hb. April rombongan penyuntik itu akan berada di-Kampung2 Belayang, Batang Tuau, Puni dan Ujong Jalan.

Pada 22hb. April, rombongan itu akan melawat Kampung Sembatang, Kampung Kenua, Kampung Lepong Lama, Kampung Lepong Baru, Semabat dan Kampung Temada.

Rombongan2 itu akan terus melawat kampung2 yang lain dalam daerah itu hingga 1hb. Mei.

Kursus bagi peladang2 Ulu Semabat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian akan mengadakan satu kursus pandu bagi peladang2 di-Kampung Ulu Semabat dan Kampung Lapong Baru di-Daerah Temburong sa-lama sa-minggu mulai dari 17hb. hingga 23hb. April.

Kursus tersebut akan mengandungi semua aspek chara2 pertanian yang moden.

Daerah Belait pilih empat orang wakil

KUALA BELAIT. — Empat orang peserta — dua lelaki dan dua orang perempuan telah di-pilih untuk mewakili Daerah Belait ka-peraduan membaca Quran dan Sharahan Sekolah2 Ugama Seluruh Negeri yang akan diadakan di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Julai hadapan.

Mereka itu ia-lah Awang Haji Omar bin Haji Fauzan dan Dayang Zariah binte Ahmad — yang akan mewakili dalam peraduan membaca Quran dan Awang Basri bin Mahmud dan Dayang Asmah binte Morni — kedua2-nya akan mewakili dalam peraduan sharahan.

Ke-empat2 peserta itu telah di-pilih sa-bagai johan dalam peraduan perengkat Daerah yang telah di-langsungkan pada hari Khamis lepas.

Daerah2 Tutong dan Temburong juga telah memilih wakil2 mereka untuk menyertai peraduan seluruh negeri itu.

dari chara2 memindahkan pokok buah2an hingga ka-peng-gawalan serangga dan binatang2.

Perkara utama dalam kursus itu ia-lah pertunjukan urusan rumah tangga bagi isteri peladang2 itu.

Di-akhir kursus itu, peladang2 itu akan melihat tayangan wayang gambar mengenai chara2 pertanian yang moden.